

19/10/1998

Bersatu hadapi cabaran (HL)

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sikap berdisiplin dan bersatu-padu yang diamalkan rakyat berbilang kaum, membolehkan negara mengharungi dengan baik masalah kejatuhan nilai ringgit dan harga pasaran saham.

"Hari ini, kita dapat melihat usaha yang kita jalankan, seperti kawalan tukaran mata wang asing, sedikit sebanyak berjaya memperbaiki keadaan ekonomi negara," kata Perdana Menteri.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mengingatkan mengenai pentingnya rakyat pelbagai kaum di negara ini mempererat lagi hubungan dan meningkatkan sikap toleransi serta faham-memahami.

Menurut Perdana Menteri, amalan dan sikap seumpama itulah yang sekian lama membawa negara ke arah kemajuan dan kemakmuran.

"Kita harus bersyukur kerana walaupun negara mengalami kerumitan ekonomi, kehidupan kita masih tidak terjejas dengan teruk. Berbanding negara lain, rakyat kita masih mampu membeli makanan, pakaian dan ubat-ubatan yang secukupnya bagi diri dan keluarga kita.

"Negara kita juga tetap aman walaupun terdapat usaha sesetengah pihak untuk menimbulkan huru-hara," katanya dalam perutusan sempena Hari Deepavali yang akan diraikan penganut Hindu esok.

Sehubungan itu, Perdana Menteri yakin perayaan Deepavali tahun ini yang kedua dirai dalam keadaan negara masih mengalami kegawatan, tetap disambut meriah.

"Kuih-muih, makanan dan minuman akan tetap terhidang bagi keluarga, sanak-saudara dan sahabat-handai yang berkunjung ke rumah. Inilah keistimewaan rakyat Malaysia.

"Di hari yang gembira ini, marilah kita bersyukur terhadap segala kebaikan yang kita alami dan teruskan budaya kunjung mengunjung untuk meraikan rakan-rakan yang menyambut perayaan ini," katanya.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, turut mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua penganut Hindu.

Sempena perayaan itu, beberapa pemimpin MIC turut mengadakan rumah terbuka.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, mengadakan rumah terbuka mulai 10 pagi hingga 2 petang di Dewan Sekolah Tinggi Chung Hwa, Jalan St Thomas, off Jalan Ipoh di sini.

Timbalan Presidennya, Datuk S Subramaniam, yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pula mengadakan rumah terbuka di rumahnya, No 26, Jalan 16/5, Petaling Jaya, mulai 10 pagi hingga 2 petang.

Parti Gerakan turut mengadakan rumah terbuka sempena Deepavali di Dewan Wawasan, Menara PGRM mulai 10 pagi.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik akan menyempurnakan upacara menyalakan pelita, yang menjadi simbol perayaan cahaya itu pada majlis berkenaan.

Sementara itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, yang juga Naib Presiden MIC, Datuk G Palanivel akan mengadakan rumah terbuka pada 1 November di Kelab Golf and Country Kuala Kubu Bahru, mulai 11 pagi hingga 1 petang.

(END)